



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SABTU, 8 JULAI 2023

LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:

World Communications



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	PROGRAM ANTIGANGGUAN SEKSUAL TINGKATKAN KESEDARAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/07/07/program-antigangguan-seksual-tingkatkan-kesedaran-dalam-kalangan-masyarakat	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	AMBIL PENDEKATAN TEGAS, TUNTAS BENDUNG GEJALA BULI SEBELUM JADI KRONIK	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1123345/ambil-pendekatan-tegas-tuntas-bendung-gejala-buli-sebelum-jadi	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	HIGH-INCOME STATE: WE WORKED HARD, SAYS NANCY	
	https://www.newsarawaktribune.com.my/high-income-state-we-worked-hard-says-nancy/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY
	https://www.theborneopost.com/2023/07/07/nancy-sarawaks-high-income-status-feat-reflects-dedication-of-its-people/	THEBORNEOPOST.COM
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/07/07/pengiktirafan-bank-dunia-cerminkan-usaha-rakyat-pemimpin-sarawak-nancy	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	TIADA MYKAD PROSES BUAT KAD OKU TERGANGGU	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/07/tiada-mykad-proses-buat-kad-oku-terganggu/	KOSMO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	144,911 LEPASAN SPM 2022 DITAWAR LANJUT PENGAJIAN DI IPTA	
	https://malaysiagazette.com/2023/07/07/144911-lepaskan-spm-2022-ditawar-lanjut-pengajian-di-ipta/	MALYSIAGAZETTE.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1123598/hampir-80000-lepaskan-spm-ditawarkan-ke-universiti-awam-kpt	BHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/239609-lepaskan-spm-2022-mohon-masuk-ipta-meningkat-tahun-ini/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	DERITA DIABETAS, WANITA BERGANTUNG PADA ANAK SULUNG	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/07/derita-diabetes-wanita-bergantung-pada-anak-sulung/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	SOUP KITCHENS ARE A LIFELINE FOR THE OLDER CROWD	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/07/07/soup-kitchens-are-a-lifeline-for-the-older-crowd	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	CARE FOR YOUR AGEING PARENTS, CHILDREN URGED	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/07/07/care-for-your--ageing-parents-children-urged	THESTAR.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kompleks-penyayang-sinar-kasih-dijangka-mula-beroperasi-awal-tahun-depan-426961	ASTROAWANI.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

8/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	ANWAR UMUM INSENTIF, INISIATIF BUAT WARGA FELDA	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/985354/anwar-umum-insentif-inisiatif-buat-warga-felda	HMETRO.COM.MY
	https://selangorkini.my/2023/07/pm-umum-bantuan-untuk-peneroka-tingkat-prasarana-felda/	SELANGORKINI.MY
	https://www.getaran.my/artikel/semasa/50401/anwar-umum-insentif-inisiatif-buat-kebijakan-warga-felda	GETARAN.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1123677/insentif-kesihatan-buat-warga-felda-adalah-yang-terbaik	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/985379/warga-felda-syukur-keprihatinan-kerajaan-perpaduan	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	NANCY SHUKRI PROMISES TO LOOK INTO CRISIS CENTRE PROCEDURE ON RAPE CASES	
	https://www.therakyatpost.com/news/2023/07/07/nancy-shukri-promises-to-look-into-crisis-centre-procedure-on-rape-cases/	THERAKYATPOST.COM
	https://www.therakyatpost.com/trpbm/2023/07/07/nancy-shukri-janji-akan-melihat-semula-prosedur-pusat-krisis-berkenaan-kes-rogol/	THERAKYATPOST.COM
	https://www.hotfm.audio/dakwaan-mangsa-rogol-tak-dibantu-segera-nancy-akan-tentu-sah-sop-pusat-krisis/	HOTFM.AUDIO

BIL	PERKARA	SUMBER
11	MAJORITI LELAKI KURANG BUAT ADUAN KENA GANGGUAN SEKSUAL	
	https://themerdekatimes.com/news/2023/07/majoriti-lelaki-kurang-buat-aduan-kena-gangguan-seksual/	THEMERDEKATIMES.COM



UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKATLAPORAN
PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

8/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
12	2 WANITA RAI PERKAHWINAN SEJENIS DI BALIK PULAU?	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/07/985364/2-wanita-rai-perkahwinan-sejenis-di-balik-pulau	HMETRO.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/07/dakwaan-2-wanita-kahwin-pihak-berkuasa-agama-p-pinang-sedia-ambil-tindakan/	FREEMALYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
13	TENDANG, PIJAK PERUT BUDAK 3 TAHUN HINGGA MAUT, IBU DAN TEMAN LELAKI DIREMAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/266993/berita/semasa/tendang-pijak-perut-budak-3-tahun-hingga-maut-ibu-dan-teman-lelaki-direman	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/budak-3-tahun-maut-ditendang-ditekan-perut-selepas-muntah-atas-sofa-kesayangan-kekasih-ibu-427084	ASTROAWANI.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/07/budak-lelaki-3-tahun-mati-dibunuh/	KOSMO.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/07/985196/belasah-anak-kekasih-sampai-pecah-tengkorak	HMETRO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/video/2023/07/tengkorak-perut-kanak-kanak-pecah-ibu-dan-kekasih-direman/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=wOC-tjhEAVM	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=fwZGnj2smak	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=kfW9IzY0HSY	YOUTUBE
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/07/ibu-kanak-kanak-mati-dipukul-biar-anak-diasuh-suspek/	KOSMO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=AxsnlS3Uifk&t=1s	YOUTUBE
	https://malaysiagazette.com/2023/07/07/kerajaan-akan-kaji-gaji-kakitangan-awam-kanak-kanak-maut-dibelasah-kekasih-ibu-mgflash/	MALYSIAGAZETTE.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/985360/tak-sangka-jiran-ditahan-dera-kanak-kanak-sampai-mati	HMETRO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
14	NCD: WANITA LEBIH RAMAI LAKUKAN SARINGAN BERBANDING LELAKI	
	https://www.sinarharian.com.my/article/267059/berita/nasional/ncd-wanita-lebih-ramai-lakukan-saringan-berbanding-lelaki	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	KLCAH ANJUR PERSIDANGAN 'WANITA BIJAK, PEMIMPIN BERKARISMA'	
	https://www.sinarharian.com.my/article/267029/edisi/selangor-kl/klcah-anjur-persidangan-wanita-bijak-pemimpin-berkarisma	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	KES PECAH MASUK BILIK WANITA, BEKAS PEMAIN HARIMAU MALAYA AKAN DIDAKWA	
	https://malaysiagazette.com/2023/07/07/kes-pecah-masuk-bilik-wanita-bekas-pemain-harimau-malaya-akan-didakwa/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
17	HILANG 13 HARI DI HUTAN, KANAK-KANAK DITEMUI SELAMAT	
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/07/hilang-13-hari-di-hutan-kanak-kanak-ditemui-selamat/	FREEMALYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
18	JANGAN MAIN-MAIN DENGAN TRAUMA ANAK	
	https://malaysiagazette.com/2023/07/07/jangan-main-main-dengan-trauma-anak/	MALYSIATODAY.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
19	OPERASI SAR KANAK-KANAK HILANG DI SUNGAI DITERUSKAN HARI KETIGA	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1123464/operasi-sar-kanak-kanak-hilang-di-sungai-diteruskan-hari-ketiga	BHARIAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1123309/operasi-diperluas-ke-sungai-selangor	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	PEMBEKAL PERKHIDMATAN WAJIB SEKAT SALAH GUNA INTERNET	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/pembekal-perkhidmatan-wajib-sekat-salah-guna-internet/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mcmc-gesa-pembekal-perkhidmatan-internet-patuhi-akta-komunikasi-dan-multimedia-1998-427041	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
21	PELUANG LEPASAN SEKOLAH PONDOK, TAHFIZ DAN OKU KE UNIVERSITI	
	https://www.ummahtoday.com.my/pejuang-lepasan-sekolah-pondok-tahfiz-dan-oku-ke-universiti/	UMMAHTODAY.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	KTMB TAWAR DISKAUN 50% UNTUK ETS SEPANJANG JULAI	
	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/451221	THEMALAYSIANINSIGHT.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
23	GENG INDREN SASAR RAGUT WARGA EMAS TUMPAS	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/geng-indren-sasar-ragut-warga-emas-tumpas/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/07/geng-indren-sasar-ragut-warga-emas-tumpas/	KOSMO.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/07/07/geng-indren-ragut-pembonceng-motosikal-warga-emas/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/985312/geng-indren-tumpas	HMETRO.COM.MY



TAJUK : 19 LANGKAH RINGAN BEBAN RAKYAT SUDAH DILAKSANA

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 08 JUL 2023

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

19 langkah ringan beban rakyat sudah dilaksanakan

Kuala Lumpur: Kerajaan Perpaduan sudah melaksanakan sekurang-kurangnya 19 inisiatif untuk membantu mengurangkan beban ekonomi rakyat, hanya dalam tempoh tujuh bulan pentadbirannya.


Menerusi satu video khas siri pertama laporan pencapaian Kerajaan Perpaduan, Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil, merangkumkan inisiatif berkenaan, membabitkan pengenalan beberapa inisiatif dan bantuan baharu serta menaikkan kadar bantuan sedia ada.

Daripada 19 inisiatif yang sudah dilaksanakan, sembilan daripadanya membabitkan peningkatan kadar bantuan sedia ada yang memanfaatkan pelajar, anak muda, golongan berpendapatan rendah, guru Kelas Agama dan Fardu Ain, penjawat awam, pesara kerajaan dan pekebun.

Menurut Fahmi, ia merangkumi kenaikan elaun sara hidup pelajar tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kepada RM1,100 sebulan; Bantuan Awal Persekolahan menjadi RM150; e-dompet (RM200) serta Sumbangan Tunai Rahmah yang diberi sehingga RM2,500, berbanding RM1,800 bagi Bantuan Prihatin Rakyat sebelum ini.

Selain itu, katanya, elaun 35,000 guru Kelas Al-Quran & Fardu Ain (KAFA) dinaikkan kepada RM1,100 sebulan, manakala sumbangan imam, bilal, tok siak, noja, marbut, guru KAFA dan guru takmir naik kepada RM600.

Bantuan Aidilfitri kepada penjawat awam dan pesara kerajaan turut dinaikkan, masing-masing kepada RM700 dan RM250, manakala bantuan musim tengkujuh kepada pekebun meningkat kepada RM800 berbanding RM600 sebelum ini.



TAJUK : 79,668 LEPASAN SPM DITAWAR KE UNIVERSITI AWAM

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 08 JUL 2023

M/SURAT : 21

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

79,668 lepasan SPM ditawarkan ke universiti awam

Putrajaya: Sejumlah 79,668 lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ditawarkan tempat ke universiti awam (UA) untuk pengajian asasi, diploma dan ijazah sarjana muda bagi sesi akademik 2023/2024.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui kenyataan berkata, mereka sebahagian daripada 144,911 calon lepasan SPM yang membuat permohonan bagi melanjutkan pengajian melalui UPUOnline.

Kenyataan sama memaklumkan 65,243 calon SPM ditawarkan melanjutkan pengajian di

politeknik, kolej komuniti (KK) dan institusi latihan kemahiran awam (ILKA) yang menawarkan program pengajian peringkat sijil dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

"Sebanyak 500 program pengajian ditawarkan bagi sesi 2023/2024, iaitu 47 pengajian asasi, 309 (diploma), satu (ijazah sarjana muda) dan 143 (sijil).

"Kemasukan pelajar ke institusi berkenaan dibuat berasaskan prinsip meritokrasi, dengan menyusun semua calon yang layak tanpa mengira kaum, aga-

ma, jantina, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal mengikut markah merit tertinggi hingga terendah," katanya.

Prinsip meritokrasi adalah berasaskan 90 peratus pencapaian akademik dan 10 peratus pencapaian kokurikulum.

"Seramai 61,286 calon lelaki dan 83,625 calon perempuan berjaya mendapat tawaran kemasukan ke UA, politeknik, KK dan ILKA bagi program lepasan SPM," kata kenyataan itu lagi.

KPT juga memaklumkan secara keseluruhan, tawaran laluan

husus ialah sebanyak 14,619 iaitu 13,649 diberikan kepada calon dari keluarga B40, 346 kepada orang kurang upaya (OKU), 335 (atlet), 289 (Orang Asli) dan 26 calon lepasan institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Mengenai calon tidak mendapat tawaran, KPT memaklumkan antara faktor kegagalan ialah tidak memenuhi syarat am atau syarat khas program pengajian, tiada kekosongan tempat terutama bagi program kompetitif dan kedudukan merit rendah.

KPT mempelawa mereka untuk membuat rayuan melalui UPUOnline dalam tempoh 10 hari mulai semalam sehingga jam 5 petang pada 16 Julai ini.

Selain itu, KPT mengesahkan 164,028 daripada 403,637 calon yang menduduki SPM tidak membuat permohonan melalui UPUOnline atas beberapa faktor, antaranya kerana sudah mendapat tawaran menyambung pengajian di kolej matrikulasi Kementerian Pendidikan, institut pendidikan guru, institusi pengajian tinggi swasta dan Majlis Amanah Rakyat. BERNAMA



TAJUK : BUDAK 3 TAHUN MAUT DIDERA KEKASIH IBU

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 08 JUL 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Budak 3 tahun maut didera kekasih ibu

Suspek mengaku tendang mangsa hingga tengkorak retak, organ dalam perut pecah

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad
bhnews@bh.com.my

Melaka: Seorang kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun maut didera teman lelaki ibunya yang dipercayai menekan perut dan menendang mangsa hingga menyebabkan tengkorak retak dan organ dalam perut pecah.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner, Christopher Patit, berkata siasatan awal polis mendapati suspek mengaku menendang mangsa secara agresif kerana muntah di atas sofa kesayangannya kelmarin.

Beliau berkata suspek juga mengaku menekan perut kanak-kanak itu secara agresif berkali-kali, selain menendang sehingga kepala mangsa terhantuk ke lantai.

Katanya, akibat perbuatan kejam itu, tengkorak mangsa retak selain organ dalam perut turut pecah.

"Sebaik tiba di Hospital Melaka pada 6.50 pagi, kanak-kanak yang dalam keadaan tidak sedarkan diri dirawat di Zon Merah dan diberikan bantuan pernafasan lebih sejam.

"Namun doktor mendapati mangsa tidak memberikan sebarang reaksi sebelum disahkan meninggal dunia pada jam 9.15 pagi," katanya dalam kenyataan semalam.

Christopher berkata, mangsa



Suspek keluar dari Mahkamah Majistret Melaka selepas direman bagi membantu siasatan kes dera dan bunuh kanak-kanak.

(Foto Meor Riduwan Meor Ahmad/BH)

dihantar ke rumah suspek berusia 25 tahun di Cheng oleh ibu mangsa berusia 24 tahun untuk berubat jam 5.30 pagi kelmarin selepas dikatakan kerap muntah.

Bagaimanapun, katanya 40 minit kemudian, suspek menghubungi ibu mangsa memaklumkan anaknya terjatuh dan tidak sedarkan diri sebelum kedua-dua mereka membawa mangsa ke Hospital Melaka.

Katanya, mangsa dibawa ke Jabatan Perubatan Forensik HM jam 10.30 pagi untuk tindakan selanjutnya dan pemeriksaan awal doktor mendapati terdapat kesan kecederaan di kepala dan badannya.

Beliau berkata, ibu kandung mangsa dan teman lakinya ke-

mudian ditahan polis di hospital untuk siasatan lanjut.

Suspek direman 7 hari

Katanya satu kertas siasatan dibuka mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001 bagi mengetahui motif kejadian dan siasatan lanjut.

Kedua-dua suspek direman tujuh hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Sharda Shienha Mohd Suleiman.

Christopher menasihati orang ramai tidak membuat sebarang spekulasi atau menyebarkan berita yang tidak benar kerana dikhuatiri akan menimbulkan kegusaran kepada masyarakat.



TAJUK : INISIATIF TAMBAHAN UNTUK PENEROKA FELDA DIUMUN

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 08 JUL 2023

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Inisiatif tambahan untuk peneroka FELDA diumumkan

Kerajaan salur RM10 bilion dalam tempoh 10 tahun bantu pelan pemulihan

Oleh Latifah Arifin dan Farah Marshita Abdul Patah
bhnews@bh.com.my

Serdang: Kerajaan akan menyalurkan sehingga RM1 bilion setahun untuk tempoh 10 tahun kepada FELDA melalui terbitan sukuk bagi memastikan kelangsungan agensi rancangan tanah berkenaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, peruntukan itu diluluskan bulan lalu oleh Kementerian Kewangan (MoF) bagi meneruskan dana pembiayaan sukuk FELDA yang tertangguh sebelum ini.

Kabinet sebelum ini meluluskan cadangan terbitan sukuk bernilai RM9.9 bilion oleh FELDA dengan jaminan kerajaan bagi membolehkan agensi itu melaksanakan pelan pemulihan, seperti dibentangkan Pasukan Petugas Khas melalui laporan pada Oktober 2020.

Dalam pada itu, Perdana Menteri ketika berucap di hadapan 10,000 warga FELDA sempena sambutan Hari Peneroka FELDA 2023 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di Serdang, dekat sini, turut mengumumkan beberapa inisiatif tambahan khusus untuk FELDA dan warga penerokanya.

Antaranya kelulusan peruntukan RM7.7 juta setahun untuk



Anwar bersama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Pengerusi FELDA, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek (dua dari kanan); Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan Ketua Peneroka FELDA Kebangsaan, Sulong Jamil Mohamed Shariff pada sambutan Hari Peneroka FELDA 2023 di MAEPS, Serdang, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

menanggung perbelanjaan kos operasi 37,012 lampu jalan melalui projek pencerahan lampu jalan seluruh kawasan FELDA.

Kerajaan juga akan menjadikan FELDA peneraju transformasi digital menerusi program Digital MADANI bagi memperkasa ekonomi gig.

12 Pusat Hemodialisis

Perdana Menteri turut mengumumkan penyediaan 12 Pusat Hemodialisis dengan peruntukan RM21 juta di semua FELDA dan sebuah lagi di premis Yayasan FELDA di Kelana Jaya yang dijangka dapat memberi manfaat kepada hampir 2,000 pesakit di kawasan tanah rancangan.

Kerajaan juga akan memperkenalkan insentif khas Sumbangan Kesihatan Rahmah (SKR) sebanyak RM300 dengan peruntukan keseluruhan RM21.21 juta yang bakal memberi manfaat ke-

pada 70,715 peneroka.

Perdana Menteri turut mengumumkan subsidi diesel RM36 juta setahun akan ditampung kerajaan bagi operasi penjanaan tenaga dan rawatan air yang akan memberi manfaat kepada hampir 43,000 penduduk di kawasan Kompleks Sahabat, Umas dan Kalabakan di Sabah.

Bagi membantu menyelesaikan isu Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) yang terbengkalai, beliau berkata kerajaan akan menyiapkan baki 283 unit perumahan berkenaan dengan segera.

Kerajaan juga mempertimbangkan usaha drastik untuk membantu peneroka getah beralih kepada tanaman komoditi lain seperti sawit, kelapa atau yang bersesuaian tertakluk kelulusan kerajaan negeri masing-masing.


"Seperti diumumkan minggu lalu, kerajaan menandatangani

perjanjian untuk menstruktur semula pinjaman melalui terbitan sukuk dan kredit pusingan dalam usaha memulihkan kedudukan kewangan FELDA yang memberi pemansuhan 80 peratus hutang peneroka berjumlah RM8.3 bilion," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memberi tumpuan khusus kepada isu berkaitan FELDA melalui Belanjawan Madani kedua pada Oktober depan.

Beliau juga menggesa peneroka FELDA di enam negeri yang terbabit Pilihan Raya Negeri (PRN) Ogos depan, supaya menggunakan kuasa rakyat dengan bijaksana bagi memastikan Kerajaan Perpaduan kekal sebagai kerajaan negeri.

"Saya akan lakukan sedaya upaya untuk buat perubahan (dalam FELDA), tetapi dalam sistem demokrasi ini, kuasa terletak kepada rakyat," katanya.



TAJUK : 'ANAK DIBESAR DENGAN HARAPAN KINI TERLANTAR SEPERTI BAYI'

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 08 JUL 2023

M/SURAT : 12

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

'Anak dibesar dengan harapan kini terlantar seperti bayi'

Kota Bharu: "Sejak kisah Angah disiarkan, ramai yang menziarahi anak kami dan menghulurkan sumbangan untuk keperluan serta rawatannya," kata Azizon Ab Hamid, 46.

Azizon berkata, dia berterima kasih atas keprihatinan rakyat di negara ini yang membantu meringankan kos penjagaan dan rawatan anak perempuannya, Azreen Afiza Azahari, 23, yang terlantar sejak lebih dua bulan lalu akibat tekanan perasaan kronik dan kini disahkan menghidap radang otak.

Katanya, baru-baru ini wakil Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik) turut menyampaikan Bantuan Perubatan Maik berjumlah RM3,000 selain Bantuan Bulanan Fakir dan Miskin RM1,000 sebulan.



PEGAWAI Tadbir Aghihan Zakat Maik, Wan Mohd Fikri Wan Sani (tengah) menyampaikan sumbangan kepada Azizon.

"Alhamdulillah, bantuan ini sangat bermakna bagi menampung kos perubatan Angah.

"Saya dan suami, Azahari Mahmood, 51, sangat berterima kasih kepada semua yang meringankan beban kami. Hanya Allah SWT mampu membalas jasa mereka," katanya.

Media sebelum ini melaporkan seorang gadis yang juga penuntut tahun akhir universiti awam terlantar dalam keadaan separuh koma sejak dua bulan lalu apabila disahkan mengalami radang otak.

Ujian Imbasan Pengimejan Resonans Magnetik (MRI) mendapati terdapat jangkitan kuman menye-


rang otak menyebabkannya Angah separuh koma.

Azizon berkata, sejak anak kedua daripada lima beradik itu sakit, dia amat merindukan suara Azreen Afiza memanggilnya Umi.

"Apatah lagi anak yang menjadi harapan keluarga suatu masa dulu pernah menjanjikan mahu membalas jasa ibu dan ayah, kini kaku dan perlu diuruskan seperti bayi.

"Hati ibu mana tidak menangis, apabila anak berubah sekelip mata tidak boleh bercakap walaupun sepatah kata dan linangan air mata serta keridipan mata yang menjadi isyarat sekiranya Angah memerlukan sesuatu," katanya.

"Hati ibu mana tidak menangis, apabila anak berubah sekelip mata"
Azizon



TAJUK : 3 BERANAK DISIMBAH ASID

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 08 JUL 2023

M/SURAT : 01&11

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



WANITA TEMPATAN DIBURU POLIS
3 BERANAK DISIMBAH ASID

TIGA BERANAK DISIMBAH ASID DALAM LIF

WANITA DIBURU

Oleh Mohd Haris Fadli
Mohd Fadzil
harisfadli@hmetro.com.my

Gombak

Seorang wanita diburu polis selepas dikesan menyimbah asid ke arah tiga individu ketika mangsa mahu memasuki lif di Pangsapuri Laksamana Jaya, Batu Caves di sini, baru-baru ini.

Pemangku Ketua Polis Gombak, Superintendent Noor Arifin Mohamad Nasir berkata, pihaknya menerima laporan kejadian itu jam 3.10 pagi Selasa lalu.

"Mangsa seorang wanita

tempatn berusia 60 tahun bersama suaminya warga-negara Pakistan serta seorang lagi anak.

"Suspek bertindak menyimbah cecair dipercayai asid ke arah kedua-dua mangsa dari arah luar lif lalu melarikan diri," katanya kelmarin.

Terdahulu rakaman kamera litar tertutup (CCTV) memaparkan kejadian itu tular di media sosial selepas dimuat naik seorang individu yang mengaku se-

bagai kenalan mangsa.

Video itu memaparkan seorang suspek berdiri berhampiran mangsa semasa mereka sekeluarga sedang menunggu lif sebelum menyimbah cecair dipercayai asid sedurus mereka memasuki lif.

Mengulas lanjut Noor Arifin berkata, kedua-dua mangsa menjerit kesakitan dan meluru keluar dari lif untuk mendapatkan bantuan orang ramai.

Katanya, kedua-dua mangsa di bawa untuk menerima rawatan di Hospital Selayang di sini selepas me-

minta bantuan orang awam di lokasi kejadian.

"Seorang mangsa ditahan di Hospital Selayang bagi menerima rawatan lanjut dan seorang lagi dibenarkan pulang.

"Hasil siasatan awal mendapati suspek seorang wanita tempatan yang masih bebas," katanya.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga 10 tahun, denda atau sebat.

Sebarang maklumat berkaitan boleh disalurkan kepada Pegawai Penyiasat, Inspektor Mohd Nizar Adnan di talian 0149661892.

"Mangsa seorang wanita tempatan berusia 60 tahun"
Noor Arifin



KEADAAN dua mangsa yang menerima rawatan di hospital.

'Siapa yang buat, apa salah ibu saya?'

Gombak: "Saya nak tahu siapa yang buat dan kenapa...apa salah mak sampai sanggup buat macam ini?"

Itu luahan Nora, anak bongsu kepada Jamilah Sabda, 60, yang menjadi mangsa simbahan asid oleh individu tidak dikenali selepas ibunya selesai berniaga kira-kira 1 pagi di sini pada Selasa lalu.

Nora berkata, ibunya seorang yang baik hati dan tidak pernah bermusuhan dengan sesiapa sepanjang enam tahun mengusahakan kedai roti nan bersama bapa tirinya di Jalan Sungai Tua, Kampung Laksamana di sini.

"Mak saya layan semua orang dengan baik, dia lurus orangnya...orang buat macam mana pun dia akan layan dengan baik.

"Sebelum ini saya selalu pesan pada dia untuk berhati-hati sebab dia selalu balik berniaga awal pagi kan...tak sangka jadi macam ini.

"Bila jadi macam ini dia dah trauma sampai kami sekeluarga nak tidur malam

pun dah tak lena sebab takut," katanya kepada Harian Metro ketika ditemui di sini, semalam.

Nora berkata, ibunya yang dibenarkan keluar dari hospital malam semalam mengalami pedih berterusan di bahagian mata kiri dan cedera mecur di lengan akibat simbahan asid.

Katanya, bapa tirinya warga Pakistan mecur di bahu kanan sehingga ke belakang badan dan muka.

Menurutnya, sebelum serangan asid itu kedai mereka berniaga hampir musnah dalam kebakaran yang didakwa akibat perbuatan khianat pada 9 Jun lalu.

"Selepas terbakar hari itu ibu dah habis ribuan ringgit untuk baiki segala kerosakan dan sempat berniaga seminggu sahaja sebelum diserang.

"Saya harap pihak polis tangkap orang yang lakukan perkara ini untuk keselamatan kami.

"Perancangan masa hada-

pan setakat ini kami akan teruskan berniaga di sana, tetapi mungkin akan upah orang lain jaga kedai," katanya.

Harian Metro sebelum ini melaporkan seorang warga emas bersama suami dan anaknya menempuh detik cemas apabila disimbah asid se-

masa memasuki lif di Pangsapuri Laksamana Jaya, Batu Caves di sini, Selasa lalu.

Terdahulu rakaman kamera litar tertutup (CCTV) memaparkan kejadian itu tular di media sosial selepas dimuat naik seorang individu mengaku sebagai kenalan mangsa.



KEADAAN kecederaan seorang daripada tiga mangsa.



TAJUK : 12.3% BUDAK, REMAJA ADA ISU MENTAL

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 08 JUL 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Nor 'Asyikin Mat
Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Lebih 12.3 peratus kanak-kanak dan remaja berusia 10 hingga 17 tahun mendiami Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Lembah Klang mengalami masalah kesihatan mental dan cenderung untuk membunuh diri.

Dapatan itu hasil Kajian Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) yang dilakukan terhadap majoriti penghuni golongan B40.

Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni berkata, kajian dilaksanakan dengan kerjasama Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan dijalankan ke atas 1,578 kanak-kanak dan remaja di 37 PPR di Kuala

Lumpur dan Selangor.

Katanya, kebanyakan golongan ini mengalami kesihatan mental akibat masalah ekonomi dihadapi selepas penularan Covid-19 dan disebabkan ruang tempat tinggal kurang selesa.

"Kita turut melihat kepada kemungkinan saiz PPR dengan ruang disediakan

terhad dan ditambah jumlah keluarga besar tidak dapat menampung mereka yang

ada dalam rumah itu.


"Akhirnya ia menyebabkan remaja ini keluar rumah untuk melepaskan tekanan, seterusnya mengambil barang terlarang.

"Kepadatan penduduk di PPR iaitu sekitar 4,000 hingga 5,000 memberi tekanan tinggi sama ada daripada sudut gaya hidup mahupun kurang kasih sayang keluarga yang akhirnya remaja ini mendapatkan 'kasih sayang' di luar rumah," katanya.

12.3% BUDAK, REMAJA ADA ISU MENTAL



**"
Ia menyebabkan
remaja ini keluar
rumah untuk
melepaskan
tekanan
Lukanisman**



TAJUK : **NAIK ANGIN ANAK DITUDUH CURI**

HARI : **SABTU**

AKHBAR : **HARIAN METRO**

TARIKH : **08 JUL 2023**

M/SURAT : **07**

TONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**



TANGKAP layar dari rakaman CCTV memaparkan seorang lelaki bertindak menyerang pemilik kedai runcit yang juga isteri kepada bekas Adun Bayan Lepas, Azrul Mahathir di Sungai Ara.

NAIK ANGIN ANAK DITUDUH CURI

Lelaki bertindak pukul isteri bekas Adun Bayan Lepas

Oleh Zuhainy Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Bayan Lepas

Gara-gara tidak berpuas hati anaknya dituduh mencuri, seorang bapa bertindak menyerang pemilik kedai runcit di Jalan Datuk Ismail Hashim, Sungai Ara di sini, kelmarin.

Dalam kejadian pada 1.40 tengah hari itu, lelaki berkenaan turut bertindak mengetuk kepala wanita berkenaan yang juga isteri kepada bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz.

Azrul Mahathir berkata, terdahulu isterinya didatangi lelaki tidak dikenali di kedai runcit itu sebelum bertanya mengenai tuduhan anak perempuannya mencuri di premis berkenaan.

Katanya, isterinya kemudian mengakui ada menangkap seorang murid di-



LELAKI yang dipercayai bertindak menyerang pemilik kedai runcit.

angarkan berusia 11 tahun di premis itu ketika kanak-kanak terbabit dipercayai mencuri dengan memasukkan makanan ringan ke dalam beg.

"Tidak lama selepas kanak-kanak itu beredar, lelaki berkenaan masuk ke dalam kedai dan menyerang dengan mengetuk kepala isteri

saya. Dia cuba mengetuk kepala isteri sekali lagi, tetapi berjaya dielak sebelum meminta pekerja kedai menelefon polis," katanya.

Azrul Mahathir berkata, lelaki itu juga bertanya sama ada mengenali kumpulan Rokku dan isterinya mendakwa tidak tahu.

"Sebelum beredar, lelaki




Isteri mengakui ada menangkap seorang murid dianggarkan berusia 11 tahun di premis itu, ketika kanak-kanak terbabit dipercayai mencuri dengan memasukkan makanan ringan ke dalam beg"

Azrul Mahathir

terbabit memberitahu dia akan datang semula ke kedai itu bersama isterinya.

"Susulan itu, laporan polis dibuat di Balai Polis Teluk Kumbar pada jam 4.50 petang untuk tindakan lanjut dan keselamatan isteri serta pekerja premis.

"Kejadian itu turut dirakam menerusi kamera litar tertutup (CCTV) di premis berkenaan," katanya.



TAJUK : PEMENANG KAJAI TERLANTAR SAKIT

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 08 JUL 2023

M/SURAT : 11

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



WANTI yang meraih Hadiah Kajai pada 2013 kini menderita sakit radang paru-paru.

Pemenang Kajai terlantar sakit

Kajang: Bekas wartawan pemenang Hadiah Kajai, Wan Noor Hayati Wan Alias sedang menderita sakit radang paru-paru dan kini banyak masanya hanya terbaring di rumah sewanya di Taman Kajang Utama di sini.

Ketika ditemui di rumahnya, semalam, keadaan tubuhnya kurus dan pertuturannya juga lemah dan tersekat-sekat.

Wan Noor Hayati lebih dikenali Wanti memenangi Hadiah Kajai Hadiah Ke-wartawanan Malaysia MPI-Petronas 2013 ketika berkhidmat dengan BH.

Beliau yang tinggal berseendirian di rumah sewanya berkata, pada April lalu dia dimasukkan ke wad Hospital Putrajaya sebab batuk dan muntah berterusan sebelum disahkan menghidap Covid-19.

"Pada masa itu doktor juga mendapati saya menghidap asma kronik. Kemudian, saya dibantu rakan terpaksa berulang-alik ke Hospital Serdang dan Hospital Kajang untuk rawatan susulan sebelum disahkan menghidap radang paru-paru pada Jun lalu.

"Selepas bacaan oksigen kembali normal saya dibenarkan keluar wad Hospital Kajang. Namun ketika di rumah, kesihatan saya semakin merosot dan lemah sebab tidak mampu untuk menjamah makanan atau minuman.

"Mungkin sekarang berat badan saya di bawah 40 kilogram berbanding ketika

sihat 60 kilogram," katanya yang mengharapkan orang ramai dapat melakukan solat hajat mendoakan kesembuhan dirinya.

Selain itu, dia juga sudah terputus pendapatan apabila pada 24 Jun lalu terpaksa berhenti kerja sebab masalah kesihatan dialaminya.

Katanya, pihak Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) ada datang melawatnya di rumah dan meminta laporan penuh perubatan untuk tindakan selanjutnya.

"Namun buat masa ini saya memang tidak berupaya ulang-alik melakukan urusan itu. Banyak masa hanya baring di sofa ini (di ruang tamu rumah).

"Perbelanjaan harian, serah kepada Tuhan. Ada orang bagi duit syukur. Tak ada (wang), saya reda.

"Saya pernah dirawat secara rawatan Islam, belum ada perubahan lagi setakat ini. Jika ada ikhtiar lain untuk bantu, saya nak cuba semua ikhtiar, Tuhan suruh (berikhtiar)," katanya.

Perbualan bersamanya turut dibantu sahabat baiknya yang juga wartawan Selangorkini, Fatimah Zakinan atau Yuyu yang setiap hari datang membantu menjaga Wanti.

Orang ramai yang prihatin mahu membantu boleh hubungi Fatimah di talian 017-287 8972 dan sumbangan juga boleh disalurkan ke akaun Wan Noor Hayati di RHB di no akaun 16260700052758.



TAJUK : PILU DENGAR TANGISAN ANAQI

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 08 JUL 2023

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Noor Hidayah
Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

Cheras

Mendengar rintihan dan tangis anak kesayangan yang baru berusia setahun 11 bulan menahan kesakitan kerana ketumbuhan otak meremukkan hati Nur Fitri Basril yang kini hamil tujuh bulan.

Anak kedua Nur Fitri, 29, Muhammad Anaqi Fayyadh Abu Zar didiagnosis penyakit itu pada 21 Jun lalu selepas mengalami perubahan mendadak apabila hampir terjatuh tangga di rumah ibu saudaranya tiga bulan lalu.

Penderitaan Muhammad Anaqi Fayyadh mesra disapa adik mendapat perhatian di TikTok apabila bapa saudaranya yang juga adik ipar Nur Fitri berkongsi video bayi lelaki itu memerlukan bantuan kos perubatan.

Nur Fitri berkata, Muhammad Anaqi Fayyadh turut diuji apabila diserang angin ahmar di sebelah kiri badan kesan penyakitnya dan kini mendapatkan rawatan di Hospital Pakar Kanak-Kanak (HPKK) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini, sejak seminggu lalu.

Menurutnya, anaknya menjalani prosedur memasukkan kamera di paha sehingga ke otak untuk pemeriksaan di bahagian berkenaan.

"Ketumbuhan di otak kanan adik sebesar 10 sentimeter (cm) dan saya dimaklumkan kedudukannya berhampiran salur darah serta

PILU DENGAR TANGISAN ANAQI

Bayi dua tahun hidap ketumbuhan otak perlu dana RM100,000 tampung kos rawatan



NUR Fitri dan Muhammad Anaqi Fayyadh yang menderita ketumbuhan otak.

berdarah. Bahagian badan sebelah kiri adik juga lemah akibat angin ahmar.

"Adik perlu ambil ubat radang otak supaya ketumbuhan itu tidak membengkak. Setiap kali adik menahan sakit, hati saya hancur melihat anak sekecil

itu menanggung kesakitan," katanya, semalam.

Nur Fitri yang tinggal di Kempas, Johor Bahru berkata, mereka kini berkampung di HPKK UKM untuk rawatan anak yang sebelum ini dijalankan di Johor Bahru.

Menurutnya, anggaran kos perubatan Muhammad Anaqi Fayyadh dianggarkan RM100,000 sekaligus merealisasikan mereka kerana tidak berkemampuan.

Katanya, bil rawatan anak termasuk ujian Imbasan Pengimejan Resonans Magnetik (MRI) di hospital swasta sebelum ini juga ditanggung sendiri atas beberapa faktor.

"Saya tidak bekerja dan suami (Abu Zar Zainal) hanya pemandu lori yang kini berhenti buat sementara. Pihak hospital (HPKK UKM) beritahu mereka sedia membantu kami untuk mendapatkan bantuan pihak berkaitan.

"Saya tersentak apabila mendengar kos perubatan adik, tetapi sebagai ibu saya mahu dia mendapatkan rawatan terbaik supaya dapat membesar dengan sihat," katanya yang mempunyai seorang lagi anak perempuan.

Katanya, dalam keadaan hamil ketika ini dia tetap mengutamakan anak biarpun pinggangnya selalu sakit terutama ketika mendukung Muhammad Anaqi Fayyadh.

"Kami berusaha membawa adik melakukan rawatan alternatif seperti berurut dan bahagian kiri badan adik dan kini boleh digerakkan sedikit," katanya memberitahu anak turut mendapat bantuan dana perubatan daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyalurkan sumbangan melalui akaun Maybank bernombor 151240161027 atas nama Nur Fitri Basril.



TAJUK : TENDANG BUDAK HINGGA MATI

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 08 JUL 2023

M/SURAT : 01&06

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK



LELAKI BUNUH ANAK KEKASIH MUNTAH ATAS SOFA

TENDANG BUDAK HINGGA MATI

According to an Utusan Borneo report on Thursday (June 8), Liana, 20, a stateless Sarawakian who recently went viral on social media for sharing her plight, begged the government to grant her and her family members citizenship.

Liana who comes from Rumah Sika, Pasai Siong here, said apart from her, her parents Santud Danong and Gading Gandut Ngerantar and her two younger siblings also did not have citizenship even though they were born in Sarawak.

According to Liana, her brother (Asan), however managed to get citizenship status on his birth certificate, even though both of their parents did not have citizenship.

She thus called on the Sarawak government to help her family so they have the same rights as other Sarawakians.



TAJUK : FOUND AFTER TWO WEEKS IN FOREST

HARI : SABTU

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 08 JUL 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Found after two weeks in forest

By **DURIE RAINER FONG**
newsdesk@thestar.com.my

KOTA KINABALU: All hope looked to be lost for 11-year-old Al Fajri Anto and his uncle Iwan Musakir who had been lost in a rough terrain forest in the Tawau east coast district for two weeks.

Their friends had tried searching for them for five days. They then reported the incident to the authorities on June 29, triggering a search mission involving firemen, police and villagers.

Just when they were ready to give up, a miracle of sorts happened yesterday.

The two were found alive and well, albeit in a weakened state, by a plantation worker at 9am.

The worker first spotted the

boy walking aimlessly in the area and the uncle was found not far from the location soon after that.

"They were weak but in good condition. The area had plenty of wild fruits and there was also a river there where they could catch fish (for survival)," said Sabah Fire and Rescue Department assistant director of operations Hamsa Isnurdini yesterday.

Iwan, 33, and Al Fajri had gone missing after separating from a bigger group of hunters at the Usahawan Borneo Burmas oil palm plantation on June 24.

They were supposed to regroup with six others later that evening, but never showed up.

"The boy was found in

Plantation 8, about 8km from our control post in Plantation 7," said Hamsa.

He said they could not learn more from the two, including on how they lost their way in the jungle, as they were given medical attention and taken to the district hospital.


The fire department, he said, has handed the case to the police for further investigation.

"But I wish to thank the firemen, rescuers from other agencies and villagers who were unrelenting in their efforts to look for the victims for nine days," he said.

The uncle-nephew duo was united with family members at the control post before being taken to hospital.



A huge relief: Iwan (second from right in blue T-shirt) having some food while family members are seen embracing Al Fajri (centre in maroon T-shirt).



TAJUK : ISPs NEEDED TO BE PROACTIVE

HARI : SABTU

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 08 JUL 2023

M/SURAT : 11

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

ISPs need to be proactive

Combating harmful online content an obligation, says expert

By **CHRISTOPHER FAM**
and **ANGELIN YEOH**
lifestyletech@thestar.com.my

PETALING JAYA: The Malaysian Communications and Multimedia Commission's (MCMC) reminder to Internet service providers (ISPs) that they are obligated under law to prevent the abuse of their network facilities and services will push them to be proactive rather than reactive, says an expert.

Cybersecurity law expert and lawyer Derek Fernandez said: "Simply put, Section 263 of the Communications and Multimedia Act 1998 (CMA 1998) was designed to adopt a proactive approach to cybersecurity in relation to online harms and information security rather than a reactive approach, which has been practised for so many years."

He said that currently ISPs take action to resolve a threat only

when the public complains to the ISP or the regulator, adding that Section 263 requires ISPs and any licence holder to use their best efforts to eliminate criminal threats on their network.

This reactive approach, he continued, is inadequate to combat today's cybercrime and online harms, adding that technologies such as threat intelligence, web filtering, anti-scam, and reporting systems are available to assist compliance.

According to MCMC, the main areas of concern regarding online harms are child sexual abuse material, online gambling, content inciting racial or religious discontent, scams and phishing attacks, content with illegal drugs and prohibited substances, impersonation, disinformation and fake news, and unlicensed health products.

The MCMC notice comes after

both Facebook-owner Meta (July 4) and messaging service Telegram (June 20) agreed to cooperate with the MCMC in clamping down on online crime.

Both companies had received warnings of legal action due to the significant amount of harmful content on their platforms.

In a statement, Maxis said it has always worked closely with MCMC and the relevant authorities on managing harmful or unlawful content.

"In fact, Maxis is part of the Content Forum and adheres to MCMC's Content Code, with resources in place to comply with the regulator's directives and information requests from authorities, where needed," it said.

Maxis added that it has internal SOPs in place for website blocking, which is undertaken based on instructions by MCMC, the police, and the Domestic Trade

and Cost of Living Ministry within the stipulated timelines given.

CelcomDigi also said it strictly follows operating procedures based on the obligations prescribed under the CMA 1998 in a statement.

"We take pride in protecting our customers' safety and ensuring that all Malaysians can safely derive the full benefit of the digital society," said a CelcomDigi spokesperson.

When contacted, Telekom Malaysia said it adheres to high standards of governance and policy and works closely with relevant authorities to mitigate any issues.

The co-chair of the Bar Council's intellectual property committee, Foong Cheng Leong, said there are concerns that Section 263 could be used to infringe users' rights to freedom of speech online.

"As we have seen in the past, ISPs generally comply with such requests, and we have seen it being used to protect the rights of individuals," he said.


As written requests under Section 263 to the ISP are not made public, Foong said there is no way to gauge the level of compliance by ISPs.

"We know that MCMC does issue press releases on fines or compounds issued against ISPs for non-compliance with other guidelines," he added.

Foong also added that this can be addressed by creating better regulations, rules and guidelines in relation to any blocking order.

"It must be exercised sparingly, and there must be a predefined outline of what can be blocked," he said.

He also said there must be an avenue for appeal for those affected, whether directly or indirectly.



TAJUK : SICK BOY BEATEN TO DEATH FOR VOMITING ON SOFA

HARI : SABTU

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 08 JUL 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Sick boy beaten to death for vomiting on sofa

By RSN MURALI
murali@thestar.com.my

MELAKA: A man has been arrested in connection with the death of his girlfriend's son, who was reportedly sick at the time.

The 31-year-old was said to have kicked and beaten up the three-year-old child for staining a sofa at his home in Cheng here.

Also detained to assist investigation was the boy's mother, 24.

Melaka Tengah OCPD Asst

Comm Christopher Patit said the suspects were detained yesterday and a one-week remand order had been issued by the Magistrate's Court in Ayer Keroh.

ACP Christopher said the mother had sent her child to the boyfriend's house at 5.30am on Thursday.

"The child was unwell and the male suspect was supposed to take him for treatment," he added.

He said about 40min later, the

male suspect called his girlfriend to inform that the child was unconscious after falling from the staircase.

The couple then rushed the boy to the hospital.

"Medical officers at Melaka Hospital found the child in a serious condition and attempted to resuscitate him.

"The child succumbed to his injuries at 9.15am on Thursday," said ACP Christopher. The post-mortem report showed that

the child had severe injuries on his head and body.

ACP Christopher said during the preliminary investigation, the male suspect had admitted to beating the victim after the boy vomited on his favourite sofa.





TAJUK :	DUA TERMASUK KANAK-KANAK HILANG DIJUMPAI SELAMAT		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	08 JUL 2023	M/SURAT :	02
TONE :	NEUTRAL	SEKTOR :	KPWKM

Dua termasuk kanak-kanak hilang dijumpai selamat

TAWAU: Dua individu termasuk kanak-kanak yang dilaporkan hilang sejak 24 Jun lalu ketika memburu di Ladang Usahawan Borneo Burmas dijumpai selamat di sini semalam.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah berkata, kedua-dua mangsa masing-masing berumur 33 dan 11 tahun itu berada dalam keadaan selamat tanpa sebarang kecederaan selepas

sembilan hari operasi Mencari dan Menyelamat (SAR) dijalankan.

“Mangsa dijumpai orang awam sekitar jam 9 pagi sebelum operasi SAR dimulakan pada hari kesembilan.


“Mangsa kemudian dihantar ke Dewan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) untuk berjumpa dengan ahli keluarga masing-masing,” katanya.

Tambahnya, pasukan Bomba turut menjalankan

pemeriksaan terhadap mangsa bagi memastikan mangsa dalam keadaan baik.

Katanya, operasi ditamatkan sepenuhnya pada jam 1 petang selepas memastikan tiada unsur bahaya lain di lokasi.

Terdahulu, mangsa pada mulanya keluar memburu secara berkumpulan seramai lapan orang keseluruhan sebelum berpecah kepada beberapa kumpulan ketika berada di dalam hutan.



TAJUK :	FATIMAH SYOR LIANA MOHON KAD PENGENALAN HIJAU TERLEBIH DAHULU		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	08 JUL 2023	M/SURAT :	03
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Fatimah syor Liana mohon kad pengenalan hijau terlebih dahulu

KUCHING: Liana Sari Santud yang sebelum ini merayu untuk mendapatkan kewarganegaraannya disyorkan untuk mengemukakan permohonan kad pengenalan hijau iaitu Penduduk Sementara dahulu.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti, Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, taraf penduduk sijil lahir Liana masih Belum Ditentukan.

Jelasnya ia berikutan ibu kandung Liana Sari juga pemegang sijil lahir Belum Ditentukan dan bapanya tiada dokumen pengenalan diri.

“Kita mengesyorkan ibu bapa Liana Sari hadir ke mana-mana Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk mengemukakan tuntutan kewarganegaraan jika ada pembuktian dokumen pengenalan ibu atau bapa atau beradik atau

datuk nenek mereka.

“Atau Liana Sari boleh pergi ke JPN untuk mengemukakan permohonan kad pengenalan hijau, iaitu Penduduk Sementara,” katanya menerusi satu kenyataan, kelmarin.

Fatimah berkata diharapkan dengan program Pasukan Petugas Khas (PPK) ia dapat menangani isu sedemikian jika dilaksanakan pada masa terdekat.

Utusan Borneo kelmarin melaporkan, Liana Sari Santud, 20, anak Sarawak yang tidak memiliki kewarganegaraan yang baru-baru ini tular di media sosial kerana berkongsi nasibnya, merayu kerajaan memberikan kewarganegaraan kepadanya dan ahli keluarganya.


Liana yang berasal dari Rumah Sika, Pasai Siong di sini berkata, selain dia, ibu bapanya Santud Danong dan

Gading Gandut Ngerantar serta dua lagi adiknya juga tidak mempunyai kewarganegaraan walaupun dilahirkan di Sarawak.

“Keluarga saya sudah beberapa kali memohon kad pengenalan yang sah daripada pihak berkuasa, tetapi sehingga kini tiada khabar berita daripada mereka,” kata Liana yang dilahirkan di Hospital Sibu kepada pemberita pada Khamis.

Menurut Liana, abangnya yang dikenali sebagai Asan bagaimanapun berjaya mendapat status kewarganegaraan pada sijil kelahirannya, walaupun kedua-dua ibu bapanya tidak mempunyai kewarganegaraan.

Justeru, beliau menyeru kerajaan Sarawak membantu keluarganya supaya mereka mempunyai hak yang sama seperti rakyat Sarawak yang lain.



TAJUK : HOPE PLACE TAMPIL RINGKANKAN BEBAN IBU TUNGGAL TIGA BERANAK

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 08 JUL 2023

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



PRIHATIN: Wakil Hope Place menyampaikan bantuan makanan asas, susu dan lampin pakai buang kepada Nurul (kanan).

Hope Place tampil ringankan beban ibu tunggal tiga anak

KUCHING: Ibu tunggal, Nurul Iman Abdullah dengan tiga anak hilang tempat bergantung selepas kematian suaminya sebulan lepas akibat kanser.

Tinggal di rumah pangsa di Taman Dahlia, Matang di sini, lebih menyukarkan keadaan, Nurul yang tidak bekerja perlu menyara sendiri ketiga-tiga anaknya tanpa pendapatan tetap.

Dua daripada anak Nurul sedang bersekolah manakala anak bongsunya yang berumur tiga tahun merupakan kanak-kanak kurang upaya.

Simpati dengan nasib yang menimpa Nurul, Hope Place atau Persatuan Kebajikan Harapan Kuching tampil menghulurkan bantuan kepada keluarga tersebut.


Bantuan daripada Hope Place disampaikan selepas

dimaklumkan oleh jawatankuasa rumah pangsa tersebut.

Antara bantuan yang diberikan Hope Place bagi meringankan beban Nurul adalah makanan asas serta lampin pakai buang kanak-kanak.

Hope Place dalam pada itu difahamkan Nurul membiayai kehidupan mereka empat beranak dengan bantuan kebajikan RM500 sebulan yang diterima oleh anak kurang upayanya.

Selain itu Nurul turut menerima bantuan Baitulmalsebanyak RM200 sebulan tetapi dengan perbelanjaan tinggi untuk membeli susu tepung anaknya, sewa rumah serta perbelanjaan lain, jumlah tersebut adalah tidak mencukupi untuk mereka meneruskan kehidupan.



TAJUK :	LIANA MERAYU KERAJAAN BERIKAN STATUS WARGANEGARA KEPADANYA, AHLI KELUARGA		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	08 JUL 2023	M/SURAT :	07
TONE :	NEUTRAL	SEKTOR :	KPWKM

Liana merayu kerajaan berikan status warganegara kepadanya, ahli keluarga

SIBU: Liana Sari Santud, 20, anak Sarawak yang tidak memiliki kewarganegaraan yang baru-baru ini tular di media sosial kerana berkongsi nasibnya, merayu kerajaan memberikan kewarganegaraan kepadanya dan ahli keluarganya.

Liana yang berasal dari Rumah Sika, Pasai Siong di sini berkata, selain dia, ibu bapanya Santud Danong dan Gading Gandut Ngerantar serta dua lagi adiknya juga tidak mempunyai kewarganegaraan walaupun dilahirkan di Sarawak.

“Keluarga saya sudah beberapa kali memohon kad pengenalan yang sah daripada pihak berkuasa, tetapi sehingga kini tiada khabar berita daripada mereka,” kata Liana yang dilahirkan di Hospital Sibu kepada pemberita kelmarin.

Menurut Liana, abangnya yang dikenali sebagai Asan bagaimanapun berjaya mendapat status kewarganegaraan pada sijil kelahirannya, walaupun



LIANA

kedua-dua ibu bapanya tidak mempunyai kewarganegaraan.

Justeru, beliau menyeru kerajaan Sarawak membantu keluarganya supaya mereka mempunyai hak yang sama seperti rakyat Sarawak yang lain.

Liana, yang belajar di SMK Rosli Dhoby, mendapat A untuk Bahasa Melayu, Pendidikan Moral, Sejarah dan Matematik, B+ untuk bahasa Inggeris, C+ untuk Kimia dan Biologi; C untuk Fizik serta lulus Bahasa Iban dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Jelasnya, beliau akan menyambung pelajaran di Universiti Teknologi Sarawak

(UTS) dan mendedahkan bapasadaranya akan menjadi penjamin biasiswa UTS yang ditawarkan.

“Saya akan belajar di sana (UTS) atas bantuan bapa saudara saya yang menjadi penjamin untuk biasiswa yang ditawarkan kerana dia satu-satunya ahli keluarga saya yang mempunyai kad pengenalan yang sah,” tambah Liana.

Sementara itu, Pengerusi UTS Datuk Dr Annuar Rapa’ee baru-baru ini berkata pihak universiti akan membenarkan Liana melanjutkan pelajarannya walaupun dia tidak mempunyai kewarganegaraan.

“Tiada isu untuk dia belajar di UTS, dengan atau tanpa kad pengenalan. Kami melayannya sama seperti rakyat Sarawak yang lain dan sebab itu dia juga layak mendapat pengajian asas percuma, yang dibiayai oleh kerajaan negeri,” kata Dr Annuar, yang juga Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat.



TAJUK : PEKA ISU KESELAMATAN, PENCEGAHAN KEBAKARAN DI RUMAH

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 08 JUL 2023

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Peka isu keselamatan, pencegahan kebakaran di rumah

Setiap rumah harus mempunyai alat pemadam api, ahli keluarga bertanggungjawab mengelak sindrom 3L: Khirudin

Oleh Abang Ismail Abang Su'ud

BINTULU: Isu keselamatan dan pencegahan kebakaran di rumah adalah tanggungjawab seluruh ahli keluarga, kata Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak Datu Khirudin Drahman.

Menurutnya, ini melibatkan penyediaan alat pemadam api, penggunaan peralatan elektrik dengan selamat dan mengingatkan ahli keluarga mengenai sindrom 3L iaitu Lupa, Lalai dan Leka.

"Isu keselamatan di rumah bermula daripada diri kita yang menuntut perubahan minda mengenai cara pencegahan, pengawasan dan perlindungan daripada kebakaran.

"Disebabkan itu, perlunya kita bersedia dari segi langkah pencegahan awal," ujarnya. Beliau berkata demikian pada Program Penyerahan Alat Pemadam Api serta Sijil Penyerahan

Untuk Program Keselamatan Kebakaran Kanak-Kanak di Dewan Yek Min Ek Se-

“Isu keselamatan di rumah bermula daripada diri kita yang menuntut perubahan minda mengenai cara pencegahan, pengawasan dan perlindungan daripada kebakaran.”

Datu Khirudin Drahman
Pengarah JBPM Sarawak

kolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC) Chung Hua Bintulu petang kelmarin.

Khirudin berkata, adalah penting untuk rumah menyediakan alat pemadam api dan mencegah tindakan yang boleh menjadi punca kepada kebakaran.

Katanya, persepsi sesetengah orang bahawa penyediaan alat pemadam api di rumah sebagai petanda buruk, kos pembelian terlalu mahal dan penyelenggaraan rumit merupakan antara alasan yang tidak dapat diterima.

Khirudin berkata, aspek keselamatan tidak dapat dinilai dengan wang ringgit dan kos yang dianggap tinggi adalah berbaloi sekiranya

nyawa ahli keluarga dan harta benda terpelihara daripada kebakaran.

Katanya, 99 peratus kebakaran boleh dielak melainkan berlaku kebakaran akibat panahan petir atau akibat barang-barang mudah terbakar.

"Kesilapan Lupa, Lalai dan Leka (3L) membabitkan anak-anak dan ahli keluarga juga perlu sentiasa diperingatkan sebagai pencegahan," tegasnya.

Pada masa sama katanya, pendidikan awal pencegahan kebakaran perlu diterapkan dalam diri anak-anak dengan membawa mereka melawat balai bomba serta menyokong mereka dalam aktiviti pencegahan kebakaran.



SAMPAIKAN: Khirudin (lima kanan) bersama Eijing (empat kanan) dan Wan Kamaruddin (tiga kanan) menyerahkan sijil penyerahan dan alat pemadam api kepada guru-guru yang mewakili sekolah-sekolah terlibat pada program di SJJC Chung Hua Bintulu petang kelmarin.

Sehubungan itu, beliau mengucapkan terima kasih kepada Yayasan Farley atas penganturan dan sumbangan 25 unit alat pemadam api kepada sekolah-sekolah Cina di Bintulu melibatkan SJJC Chung Hua Bintulu,

SJJC Kai Min, SJJC Siong Boon, SJJC Sebiew Chinese dan SJJC Chung Hua Bintulu 2.

Sementara itu, Pengerusi Yayasan Farley Eijing Lau berkata, Yayasan Farley berbangga untuk menyum-

bang kembali kepada komuniti melalui tajaan program tersebut.

"Di sini (Bintulu) Farley bermula sejak 35 tahun lalu seterusnya menubuhkan yayasannya pada tahun 2021 dengan sasaran untuk


menyokong pendidikan di Sarawak," ujarnya.

Katanya, Yayasan Farley dan JBPM Sarawak mula menjalinkan kerjasama pada Jun tahun lepas dengan mengadakan beberapa projek sumpamanya di Kuching atas keyakinan, komitmen dan sokongan Pengarah JBPM Sarawak sendiri sehingga ia menjadi realiti.

Beliau berharap program tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk sekolah-sekolah di Bintulu akan diteruskan serta percaya kerjasama tersebut sebagai langkah besar untuk membentuk masyarakat berkualiti.

Terdahulu, sesi ceramah daripada Majlis Pencegahan Kebakaran Malaysia (FIPCOM) diadakan dalam bahasa Mandarin berkenaan keselamatan kebakaran bangunan serta pemindahan mangsa sekiranya berlaku kebakaran dan kecemasan.

Hadir sama Ketua JBPM Zon 5 Bintulu Wan Kamaruddin Wan Ahmad dan Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bintulu Christos Buson.



TAJUK : PENGIKTIRAFAN BANK DUNIA CERMINKAN USAHA RAKYAT, PEMIMPIN SARAWAK: NANCY

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 08 JUL 2023

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Pengiktirafan Bank Dunia cerminkan usaha rakyat, pemimpin Sarawak: Nancy

KUCHING: Pengiktirafan Sarawak sebagai sebuah negeri berpendapatan tinggi oleh Bank Dunia mencerminkan usaha berdedikasi rakyat dan pemimpin negeri ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri berkata, beliau berbangga dengan pengiktirafan pencapaian Sarawak itu.

“Premier (Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg) kita telah bekerja keras untuk meningkatkan ekonomi kita dengan meneroka aktiviti ekonomi baharu berdasarkan sumber kita yang kaya.

“Satu faktor utama yang menyumbang kepada pencapaian ini juga adalah kestabilan politik kita (Sarawak),” katanya menerusi kenyataan,



NANCY

semalam.

Nancy yang juga Ahli Parlimen Santubong berkata dengan kestabilan itu, ia pastinya memberi keyakinan kepada pelabur tempatan dan antarabangsa datang ke Sarawak.

Malah ujar beliau, Sarawak

telah dipilih sebagai tempat untuk pelbagai acara antara-bangsa.

“Ini menunjukkan kepercayaan dan minat orang ramai bukan sahaja dari Semenanjung Malaysia tetapi seluruh dunia,” katanya.

Kelmarin, dilaporkan Sarawak kini sebuah negeri berpendapatan tinggi, menurut Ahli Ekonomi Bank Dunia Apurva Sanghi.

Dalam ciapannya di Twitter, Apurva berkata, pendapatan negara kasar (PNK) Sarawak telah melebihi ambang pendapatan tinggi AS\$13,205 (RM61,500).

“Sementara Malaysia meneruskan usaha untuk menjadi negara berpendapatan tinggi, terdapat satu kejutan yang menarik – Sarawak kini sebuah negeri berpenda-


patan tinggi,” katanya.

Beliau berkata, ini berdasarkan penerbitan data Bank Dunia yang diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Labuan juga telah melebihi ambang pendapatan tinggi, menurut data Apurva.

Blog rasmi Bank Dunia membahagikan ekonomi dunia kepada empat kumpulan pendapatan untuk setiap tahun – rendah, pertengahan bawah, pertengahan atas dan tinggi berdasarkan PNK per kapita.

Menurut Bank Dunia lagi, ambang itu dikemas kini setiap tahun pada awal tahun kewangannya (bermula 1 Julai) dan diselaraskan untuk inflasi.



TAJUK : PERLINDUNGAN HAK PENGGUNA PERLU BERMULA DARI SEKOLAH

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 08 JUL 2023

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Perlindungan hak pengguna perlu bermula dari sekolah

Oleh Vivi Olviana Najurus

SANDAKAN: Perlindungan terhadap hak-hak pengguna sepatutnya bermula dari peringkat sekolah.

Pengerusi Majlis Tindakan Pengguna Negara (MTPN) Sabah Kevin Lo Kian Min berkata, perkara itu perlu dipandang serius terutamanya dalam menghadapi isu buli dalam kalangan pelajar yang semakin meningkat.

“Selalunya kanak-kanak enggan mendedahkan insiden tersebut kepada guru dan ahli keluarga menyebabkan perbuatan buli berterusan dan menjadi lebih serius.

“Oleh itu, MTPN dapat memainkan peranan sebagai pihak ketiga dengan menganjurkan ceramah dan aktiviti di sekolah bagi memastikan kanak-kanak mempunyai saluran aduan yang boleh diakses apabila menghadapi situasi buli seterusnya mencegah berlakunya tragedi lebih banyak,” katanya.



KUNJUNGAN: Rombongan MTPN merakamkan gambar kenangan semasa melakukan kunjungan hormat di Jabatan Pendidikan Sandakan.

Beliau berkata demikian selepas mengetuai ahli MTPN Sandakan bersama Pengerusi Kawasan Sandakan Xenia Chang Zen Yee membuat kunjungan hormat kepada Jabatan Pendidikan Daerah Sandakan.

Kunjungan itu antara lain bertujuan memahami bidang kuasa mereka dan memperkukuhkan pemahaman serta kerjasama antara kedua-dua pihak.

Sementara itu, Pegawai Kanan dari Jabatan Pen-

didikan Khas Dr. Qusayla Abd Razak menyokong serta menekankan keperluan pelaksanaan segera berkenaan usaha ini.


Katanya, usaha ini dilihat amat baik dan sejajar dengan usaha Jabatan Pendidikan dalam memperkukuh kemahiran dan potensi kanak-kanak melalui aktiviti luar kurikulum yang pelbagai.

“Kita harapkan usaha ini akan membuka wawasan yang lebih luas kepada kanak-kanak serta menimbulkan potensi

mereka yang lebih berdaya saing dan maju,” katanya.

Dalam pada itu, Ketua Biro Aduan MTPN Sabah Liew Pei Yee turut berkongsi bahawa satu aktiviti luar kurikulum akan dianjurkan untuk kanak-kanak di Sandakan tahun ini.

“Inisiatif ini bertujuan meluaskan pembelajaran di luar persekitaran sekolah dan buku teks, bagaimanapun pada masa sama kita berharap agar program ini mendapat sokongan yang kuat daripada Jabatan Pendidikan,” katanya.



TAJUK : SKSSR: KAKITANGAN AWAM DISARAN CARUM UNTUK ISTERI

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 08 JUL 2023

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



TANYA KHABAR: V. Sivakumar (kiri) beramah mesra bersama pengunjung pada Majlis Perasmian Karnival Kerjaya MyFutureJobs dan Skim Keselamatan Pekerjaan Rakyat Terengganu 2023 di KTCC Mall, Kuala Terengganu semalam. — Gambar Bernama

SKSSR: Kakitangan awam disaran carum untuk isteri

KUALA TERENGGANU: Kakitangan awam disarankan supaya membuat caruman Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) untuk isteri masing-masing sebagai perlindungan khas sewaktu menguruskan rumah tangga.

Menteri Sumber Manusia V. Sivakumar berkata setakat ini kesedaran orang ramai terhadap skim itu masih rendah, justeru kaedah caruman melalui suami untuk isteri merupakan antara inisiatif yang boleh dibuat bagi meningkatkan jumlah mereka yang dilindungi skim itu.

“Sasaran kita untuk capai 500,000 pencarum tahun ini dan saya ada lebih kurang enam bulan lagi untuk capai sasaran itu.

“Saya bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) sedang ambil segala inisiatif untuk beri kesedaran kepada suri rumah dan suami, penjawat awam (untuk men-carum),” katanya kepada pemberita selepas meras-

mikan Karnival Kerjaya Myfuturejobs dan SKSSR 2023 di sini semalam.

Menurutnya sejak dilancarkan pada 1 Dis 2022 hingga 2 Julai lepas, seramai 178,710 suri rumah di seluruh negara telah dilindungi SKSSR.

Sivakumar berkata jumlah itu bagaimanapun masih rendah, sedangkan faedah perlindungan yang akan dipeoleh suri rumah menerusi skim itu sangat bermanfaat walaupun dengan bayaran caruman lebih kecil berbanding skim insurans lain.

Beliau berkata pihaknya akan berbincang dengan Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) untuk mencari mekanisme terbaik bagi melaksanakan bayaran caruman membabitkan penjawat awam.


Menurutnya sejak program itu bermula, sejumlah RM350,000 faedah telah dibayar kepada suri rumah yang men-carum membabit-

kan 145 kes di seluruh negara.

Sivakumar turut menyeru semua pihak termasuk pemimpin masyarakat agar sama-sama memberi kesedaran kepada orang ramai untuk menyertai skim itu, selain menyarankan badan bukan kerajaan serta syarikat swasta menaja caruman SKSSR demi kebajikan pekerja mereka sebagai tanggungjawab sosial korporat.

SKSSR memberi perlindungan kepada suri rumah menerusi faedah hilang upaya kekal, perubatan dan pemuliharaan, elauun keuzuran, bantuan dialisis, pencen penakat dan pengurusan mayat.

Semua suri rumah berusia bawah 55 tahun dan menguruskan rumah tangga sepenuh masa atau separuh masa, serta berkahwin atau bujang, layak menyertai skim itu dengan caruman RM120 bagi tempoh 12 bulan, yang dibayar secara lebih awal. — Bernama



TAJUK : WANITA MENGAKU TIDAK BERSALAH BANTU URUSKAN TEMPAT PERJUDIAN

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 08 JUL 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Wanita mengaku tidak bersalah bantu uruskan tempat perjudian

MIRI: Mahkamah Majistret semalam memerintahkan seorang wanita dibebaskan dengan jaminan RM1,500 berserta dua penjamin tempatan setelah mengaku tidak bersalah atas tuduhan membantu menguruskan tempat perjudian.

Mahkamah kemudian menetapkan 7 Ogos depan sebagai tarikh pengurusan kes.

Eldelliana Jali, 25, dari Senadin di sini telah didakwa membantu menguruskan tempat perjudian dengan mengendalikan sebuah telefon bimbit.


Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 4.30 petang, 4 Julai lalu di sebuah premis di Jalan Maigold, Senadin di sini.

Bagi kesalahan itu, tertuduh

telah didakwa mengikut Seksyen 4 (1) (c) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan dihukum di bawah Seksyen 4 (1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak kurang dari RM5,000 serta tidak melebihi RM50,000 dan penjara tidak melebihi tiga tahun dan sebagai tambahan denda tidak kurang dari RM5,000 dan tidak melebihi RM50,000 bagi setiap mesin perkakas perjudian yang dirampas.

Terdahulu, pegawai pendakwa Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman memohon ditetapkan satu tarikh baharu untuk pengurusan kes memandangkan tertuduh telah mengaku tidak bersalah.



TAJUK :	WANITA, TEMAN LELAKI DIREMAN BANTU SIASATAN KEMATIAN KANAK-KANAK LELAKI		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	08 JUL 2023	M/SURAT :	13
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Wanita, teman lelaki direman bantu siasatan kematian kanak-kanak lelaki

MELAKA: Seorang wanita dan teman lelakinya direman tujuh hari bermula semalam bagi membantu siasatan berkaitan kematian anak lelakinya yang berusia tiga tahun, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah ACP Christopher Patit berkata, wanita berusia 24 tahun dan lelaki berusia 25 tahun itu, ditahan pada 8 malam kelmarin di Hospital Melaka.

Beliau berkata, kanak-kanak itu dibawa oleh wanita berkenaan dan teman lelakinya ke hospital tersebut kira-kira 6.50 pagi kelmarin

dalam keadaan tidak sedarkan diri.

“Sebaik tiba di hospital, kanak-kanak itu diberikan bantuan pernafasan selama satu jam 10 minit, namun mangsa tidak memberi sebarang respons sebelum disahkan meninggal dunia pada 9.15 pagi semalam (kelmarin).

“Mayat mangsa kemudian dibawa ke Unit Perubatan Forensik Hospital Melaka kira-kira 10.30 pagi dan pemeriksaan awal doktor mendapati terdapat kesan cedera di bahagian kepala serta badan mangsa. Punca

kematian disebabkan kecederaan di kepala dan bahagian perut,” katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, hasil siasatan awal mendapati sebelum kejadian itu, ibu mangsa telah membawa kanak-kanak berkenaan yang mengalami muntah-muntah untuk berubat di rumah teman lelakinya di Cheng, di sini kira-kira 5.30 pagi kelmarin.

Katanya, bagaimanapun tidak sampai satu jam kemudian, ibu mangsa telah dihubungi teman lelakinya memaklumkan kanak-kanak tersebut telah terjatuh dan

tidak sedarkan diri sebelum pasangan itu membawa mangsa ke Hospital Melaka.

Menurutnya, kes disiasat di bawah Seksyen 31(1)(A) Akta Kanak-kanak 2001 kerana pengabaian kanak-kanak dan Seksyen 302 Kanun Keseksamaan kerana bunuh.

Christopher turut menasihatkan orang ramai tidak membuat sebarang spekulasi atau menyebarkan berita tidak benar supaya tidak mengganggu siasatan selain dikhuatiri menimbulkan kegusaran kepada masyarakat. — Bernama